

Analisis Perbandingan Kemiskinan Antara Had Kifayah Kelantan Dan Paras Garis Kemiskinan Nasional

Baharuddin Sayin, Azri Bhari, Mohd Afandi Mat Rani & Muhammad Nor Aman Jamaluddin

Pendahuluan

Kemiskinan merupakan suatu fenomena yang wujud di sepanjang sejarah manusia. Ia tidak pernah mengenal batas etnik, ideologi mahupun agama. Islam menentang kemiskinan kerana ia akan mengundang pelbagai masalah dalam kehidupan manusia. Kemiskinan boleh membahayakan akidah, akhlak, rasional, institusi keluarga dan masyarakat. Menurut Imam al-Nawawi (t.t.), mereka yang dikatakan miskin ialah mereka yang tidak memiliki harta dan sumber pekerjaan yang halal untuk menampung keperluan asasi diri dan tanggungannya seperti makan, minum, tempat penginapan dan persalinan.

Islam telah menggariskan keperluan asasi manusia dapat dibahagikan kepada enam perkara iaitu aspek makanan, penginapan, pakaian, kesihatan, pendidikan dan pengangkutan (Anhar, 2017). Dalam Islam, keperluan asasi ini disebut sebagai had kifayah. Had kifayah ialah merujuk kepada suatu kadar keperluan asasi minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa (Mohd Syahiran et.al, 2017). Had kifayah ini juga digunakan bagi mengetahui berapakah kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asasi khususnya bagi golongan fakir dan miskin. Bagi mereka yang mempunyai pendapatan melebihi kadar had kifayah adalah tergolong di kalangan kaya dan wajib mengeluarkan zakat mengikut kelayakan (Lembaga Zakat Selangor: Modul Agihan Zakat).

Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri pula menggariskan keperluan asasi manusia dapat dihimpuikan kepada dua belas perkara iaitu aspek perumahan, air elektrik, gas & bahan api lain; makanan & minuman bukan alkohol; pakaian & kasut; kesihatan; pendidikan; pengangkutan; komunikasi; hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah; perkhidmatan rekreasi & kebudayaan; restoran & hotel; minuman alkohol & tembakau dan pelbagai barangan & perkhidmatan. Makanan & minuman bukan alkohol mewakili 30.2% sementara bukan makanan mewakili 69.8% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018).

Ukuran Kemiskinan

Ukuran kemiskinan sebenarnya adalah berbeza mengikut tempat, keadaan dan masa. Di Malaysia, sekurang-kurangnya terdapat dua kaedah dalam mengukur kemiskinan, iaitu:

- Menggunakan kaedah Paras Garis Kemiskinan Nasional (PGK), iaitu pendekatan yang digunakan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Menggunakan kaedah Had Kifayah, iaitu pendekatan yang digunakan oleh institusi zakat.

Pendekatan Garis Kemiskinan

Menurut Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK) (<http://www.kpwkm.gov.my/nkra/definisi>), sesebuah keluarga itu dikatakan miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada PGK, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat.

Takrifan tersebut mengambil kira beberapa aspek seperti pengambilan sejumlah kalori (pemakanan) yang perlu diambil oleh individu atau isi rumah (PGK makanan). Kemampuan memenuhi keperluan asas yang lain seperti pakaian, pendidikan, penjagaan kesihatan, pengangkutan dan komunikasi, sewa rumah, utiliti dan rekreasi dinamakan PGK Bukan Makanan. Sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada PGK Makanan maka ia dikelompokkan sebagai miskin tegar. Sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatan bulanan isi rumah tersebut kekurangan sumber bagi memenuhi keperluan asas setiap ahlinya. PGK akan dikemaskinikan setiap tahun berdasarkan Indeks Harga Pengguna.

PGK makanan akan mengambil kira keperluan asas 7 kategori makanan yang meliputi 13 jenis makanan iaitu: nasi, tepung gandum, biskut, ayam, telur, ikan, susu, minyak masak, majerin, gula, buah-buahan, sayur-sayuran dan kacang. Sejumlah 8,725 kalori setiap hari adalah diperlukan (untuk 5 orang setiap isi rumah). Keperluan kalori bagi setiap isi rumah dikira berdasarkan kepada struktur demografi setiap isi rumah seperti umur, berat, jantina dan kadar metabolisme badan atau basal metabolic rate (BMR) mengikut paras aktiviti fizikal atau physical activity level (PAL) setiap isi rumah. PGK bukan makanan pula akan mengambil kira keperluan asas seperti berikut: pakaian, sewa, minyak, elektrik, perkhidmatan asas, pengangkutan, komunikasi dan lain-lain. PGK bukan makanan adalah menggunakan kiraan Bank Dunia di dalam menentukan keperluan minima perkhidmatan dan bukan makanan. Keperluan ini dikira berdasarkan kepada perbelanjaan keseluruhan isi rumah dengan mengambil kira PLI makanan (isi rumah yang berada pada jurang

10% di atas dan 10% di bawah PLI makanan). Ini akan menunjukkan jumlah perbelanjaan sebenar termasuk komponen bukan makanan untuk membolehkan sesebuah isi rumah tersebut berfungsi di dalam masyarakat.

PGK akan dikira berdasarkan kepada keperluan setiap isi rumah dan Indeks Harga Pengguna atau *Consumer Price Index* (CPI) makanan dan bukan makanan mengikut Negeri dan Strata (Bandar dan Luar Bandar).

Pendekatan Had Kifayah

Had kifayah adalah suatu kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa oleh institusi zakat (JAWHAR, 2009). Had kifayah ini juga digunakan bagi mengetahui berapakah kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asas. Bagi mereka yang mempunyai pendapatan melebihi kadar had kifayah adalah tergolong di kalangan kaya dan wajib mengeluarkan zakat mengikut kelayakan.

Had kifayah berperanan untuk menentukan tahap keperluan bagi isi rumah untuk menampung keperluan harian. Ianya ditentukan berdasarkan pelbagai pembolehubah seperti bilangan ahli keluarga, status kerjaya, status pendidikan, kumpulan umur dan lain-lain (Ahmad Fahme et.al, 2014). JAWHAR (2009) telah menggariskan beberapa komponen utama dalam menentukan keperluan Had Kifayah seperti tempat tinggal, makanan, pakaian, kesihatan, pendidikan dan pengangkutan berdasarkan Maqasid al-Syariah. Walaubagaimanapun, terpulang kepada setiap institusi zakat negeri untuk menentukan keperluan setiap komponen ini. Adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa had kifayah adalah berbeza bergantung kepada bilangan ahli isi rumah dan kumpulan umur dalam isi rumah (Baharuddin et.al, 2016). Pendapatan yang diperolehi adalah sebagai kayu ukur untuk menentukan kesejahteraan sesebuah keluarga dan sekurang-kurangnya mampu memenuhi keperluan asas kehidupan mereka. (<http://www.zakatselangor.com.my/info-agihan/had-kifayah/>)

PGK yang ditetapkan di Malaysia adalah berdasarkan pendapatan minimum isi rumah. Bagi Semenanjung Malaysia, pendapatan bulanan minimum isi rumah RM930.00 (perkapita RM230.00), Sabah RM1,170.00 (perkapita RM250.00) dan Sarawak RM990.00 (perkapita RM240.00) (Laporan Tahunan Program Transformasi Ekonomi (ETP) 2016) berbeza dengan ukuran tahap kemiskinan yang dikemukakan oleh Majlis Agama Islam negeri-negeri dengan menggunakan pendekatan had kifayah bertujuan untuk memudahkan proses penentuan golongan fakir dan miskin. Justeru, terdapat perbezaan yang ketara antara kadar nilai kemiskinan yang diberikan oleh negara dan penentuan yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri kerana berbeza dari segi aspek pengukuran. Yusof al-Qardhawi (2000) dan Mohd Parid (2001) mengesyorkan bahawa pengagihan zakat perlu sekurang-kurangnya mencukupi tahap kos sara hidup minimum dan penyelesaian untuk penerima dan tanggungannya. Jumlah zakat diagihkan perlu dipastikan kesinambungan kehidupan yang berkualiti dimana kesan pengagihan zakat adalah untuk mencapai atau mencukupi taraf hidup daruriyyat dan hajiyyat.

Penentuan Had Kifayah Zakat Kelantan

Institusi zakat lazimnya menggunakan pendekatan kewangan ketika menentukan garis kemiskinan sesebuah keluarga berdasarkan kaedah Had Kifayah (Paras Garis Kemiskinan Zakat). Pengiraan Had Kifayah yang digunapakai adalah hampir menyamai dengan Paras Garis Kemiskinan (PGK) nasional kerana ia menggunakan kewangan sebagai pembolehubah untuk menentukan sama ada individu atau isi rumah itu miskin atau sebaliknya (JAWHAR, 2009).

Mujaini Tarimin (2005) dan Syed Othman (1988) menjelaskan bahawa zakat adalah cara yang paling berkesan untuk membantu golongan miskin dan mereka yang memerlukan. Islam menekankan umatnya untuk mengambil serius peranan zakat dalam memperbaiki kehidupan sosial umat Islam yang miskin. Beliau juga menyatakan bahawa kadar zakat yang diterima oleh orang miskin sepatutnya membantu mereka meningkatkan taraf hidup mereka, iaitu, dalam memenuhi *Daruriyyat* mereka dan keperluan *Hajiyyat* mereka yang menjadi keperluan minimum dalam hidup mereka. Oleh itu, zakat yang diterima oleh mereka haruslah membolehkan mereka untuk meningkatkan keperluan kehidupan mereka.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah dalam bentuk Ringgit Malaysia (RM) adalah petunjuk utama dalam menentukan kadar had kifayah yang digunapakai oleh Pusat Zakat Negeri Kelantan (Baharuddin Sayin et.al, 2016). Bagi sebuah keluarga yang mempunyai 6 orang isi rumah (rumah berbayar¹ dan rumah tidak berbayar²) iaitu suami dan isteri yang bekerja, seorang anak dewasa berumur 18 tahun ke atas yang masih belajar di institusi pengajian tinggi, seorang remaja bersekolah dalam kumpulan umur 13-17 tahun, seorang kanak-kanak bersekolah dalam kumpulan umur 7-12 tahun dan seorang kanak-kanak dalam kumpulan umur 0-6 tahun dalam kawasan bandar dan luar bandar (Ridhwan Abdul Rahman (2017).

Bagi rumah berbayar kadar had kifayah telah ditetapkan iaitu RM1,661.50 sebulan, manakala bagi rumah tidak berbayar pula berjumlah RM1,409.50 sebulan bagi kawasan bandar. Sementara bagi kawasan luar bandar untuk rumah berbayar

kadar had kifayah telah ditetapkan iaitu RM1,156.50 sebulan, manakala untuk rumah tidak berbayar pula berjumlah RM958.50 sebulan.

Jadual Had Kifayah Kelantan Bagi Setiap Jenis Keperluan Asasi Mengikut Kategori Isi Rumah (Bandar)

BIL	Jenis Keperluan Asasi	Ketua Keluarga		Pasangan (Bekerja)	Dewasa IPT (18 Tahun ke Atas)	Remaja Bersekolah (13-17 Tahun)	Kanak-kanak Bersekolah (7-12 Tahun)	Kanak-kanak Pra Sekolah (5-6 Tahun)	JUMLAH	
		Bayar	Percuma						Bayar	Percuma
1	Kediaman	312.00	60.00	-	-	-	-	-	312.00	60.00
2	Mekanan	72.00	72.00	63.00	63.00	33.70	33.70		343.40	
3	Pakaian	36.00	36.00	31.50	31.50	22.50	22.50		180.00	
4	Pendidikan	-	-	72.00	54.00	36.00	36.00		198.00	
5	Kesihatan	31.50	31.50	29.50	29.50	28.80	28.80		179.60	
6	Pengangkutan	97.50	97.50	78.00	58.50	58.50	58.50		448.50	
JUMLAH		348.00 / 297.00		236.50	274.00	236.50	179.50	179.50	1661.50	1409.50

Jadual Had Kifayah Kelantan Bagi Setiap Jenis Keperluan Asasi Mengikut Kategori Isi Rumah (Luar Bandar)

BIL	Jenis Keperluan Asasi	Ketua Keluarga		Pasangan (Bekerja)	Dewasa IPT (18 Tahun ke Atas)	Remaja Bersekolah (13-17 Tahun)	Kanak-kanak Bersekolah (7-12 Tahun)	Kanak-kanak Pra Sekolah (5-6 Tahun)	JUMLAH	
		Bayar	Percuma						Bayar	Percuma
1	Kediaman	234.00	36.00	-	-	-	-	-	234.00	36.00
2	Mekanan	54.00	54.00	47.00	47.00	33.50	33.50		270.00	
3	Pakaian	18.00	18.00	15.70	15.70	11.50	11.50		89.40	
4	Pendidikan	-	-	72.00	54.00	36.00	36.00		198.00	
5	Kesihatan	15.50	15.50	14.80	14.80	14.50	14.50		89.10	
6	Pengangkutan	58.50	58.50	54.00	35.00	35.00	35.00		276.00	
JUMLAH		390.00 / 182.00		146.00	203.50	166.50	130.50	130.50	1156.50	958.50

1 Rumah berbayar bermaksud rumah yang dibayar ansuran bulanan atau rumah sewa.

2 Rumah tidak berbayar bermaksud rumah yang diduduki secara percuma contohnya rumah pusaka.

Jadual Tambahan

BIL	Butiran	Bandar/Luar Bandar (RM)
1	Sakit Kronik	240.00
2	OKU	240.00
3	Ibu Tunggal	240.00
4	Ibu Tunggal	240.00
5	Anak IPT	120.00
6	Keluarga Bermasalah (Dadah/HIV)	120.00

Penentuan Paras Garis Kemiskinan Nasional 2016

Ketika menentukan garis kemiskinan, Jabatan Perangkaan Malaysia (2018) menggunakan pendekatan kewangan sebagai indikator. Sesebuah keluarga itu dikatakan miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada PGK, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asasi dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat. Sebagai contoh, PGK makanan merupakan kadar tertinggi iaitu meliputi 30.2% bersamaan RM280.86 daripada RM930.00 sebulan, diikuti perumahan 23.8% bersamaan RM221.34 dan PGK terendah adalah pendidikan iaitu 1.1% bersamaan RM10.23 sebulan. Secara terperinci, PGK yang ditetapkan adalah seperti yang ditunjukkan dibawah.

BIL	PERKARA	RM
1	Perumahan, air elektrik, gas & bahan api lain (23.8%)	221.34
2	Makanan & minuman bukan alkohol (30.2%)	280.86
3	Pakaian & kasut (3.3%)	30.69
4	Kesihatan (1.7%)	15.81
5	Pendidikan (1.1%)	10.23
6	Pengangkutan (13.7%)	127.41
7	Komunikasi (5.2%)	48.36
8	Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (3.8%)	35.34
9	Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan (4.9%)	45.57
10	Restoran & hotel (2.9%)	26.97
11	Minuman alkohol & tembakau (2.9%)	26.97
12	Pelbagai barangan & perkhidmatan (6.5%)	60.45
Jumlah		930.00

Analisis Perbandingan

Secara perbandingan ukuran kemiskinan yang ditetapkan oleh Pusat Zakat Kelantan adalah berdasarkan enam perkara meliputi perumahan, makanan, pakaian, kesihatan, pendidikan dan pengangkutan. Manakala ukuran kemiskinan yang ditetapkan oleh PGK adalah berdasarkan dua belas perkara iaitu perumahan, makanan, pakaian, kesihatan, pendidikan, pengangkutan, komunikasi, hiasan & penyelenggaraan rumah, perkhidmatan rekreasi & kebudayaan, restoran & hotel, alkohol & tembakau dan pelbagai barangan & perkhidmatan.

Kadar yang ditetapkan oleh had kifayah berbanding PGK juga didapati tidak seragam. Sebagai contoh, kadar bagi perumahan adalah mewakili 23.8% daripada keseluruhan PGK manakala bagi had kifayah ianya mewakili 18.7% daripada keseluruhan had kifayah zakat. Bagi makanan pula, PGK menetapkan sebanyak 30.2% manakala had kifayah menetapkan

sebanyak 20.7%. Sementara bagi pengangkutan pula had kifayah menetapkan 26.9% manakala PGK menetapkan 13.7%.

Dilihat dari segi nilai Ringgit Malaysia (RM), didapati had kifayah meletakkan pengangkutan sebagai mempunyai nilai tertinggi iaitu sebanyak RM448.50, kemudian diikuti oleh makanan (RM343.40), perumahan (RM312.00), pendidikan (RM198.00) dan pakaian & kesihatan masing-masing RM180.00 & RM179.60. Manakala bagi PGK, didapati makanan merupakan nilai tertinggi iaitu RM280.86 sementara nilai terendah ialah pendidikan iaitu RM10.23.

Jumlah akhir had kifayah dilihat agak tinggi iaitu RM1,661.50 sebulan di kawasan bandar manakala PGK RM930.00 sebulan. Maklumat lanjut adalah seperti yang ditunjukkan di jadual seperti yang ditunjukkan di bawah.

Analisis Perbandingan Antara Had Kifayah Kelantan Dengan Paras Garis Kemiskinan

BIL	PERKARA	HAD KIFAYAH (RM)	PGK (RM)
1	Perumahan, air & elektrik.	312.00 (18.7%)	221.34 (23.8%)
2	Makanan & minuman	343.40 (20.7%)	280.86 (30.2%)
3	Pakaian & kasut	180.00 (10.8%)	30.69 (3.3%)
4	Kesihatan	179.60 (10.8%)	15.81 (1.7%)
5	Pendidikan	198.00 (11.9%)	10.23 (1.1%)
6	Pengangkutan	448.50 (26.9%)	127.41 (13.7%)
7	Komunikasi	00.00	48.36 (5.2%)
8	Hiasan rumah, perkakasan & penyelenggaraan	00.00	35.34 (3.8%)
9	Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan	00.00	45.57 (4.9%)
10	Restoran & hotel	00.00	26.97 (2.9%)
11	Minuman alkohol & tembakau	00.00	26.97 (2.9%)
12	Pelbagai barangan & perkhidmatan	00.00	60.45 (6.5%)
Jumlah		1,661.50	930.00

Kesimpulan dan Cadangan

Perbincangan mengenai had kifayah zakat dan paras garis kemiskinan nasional sebenarnya berkait rapat dengan isu kemiskinan. Kemiskinan pula bukanlah hanya isu yang melanda negara, bahkan ianya merupakan isu sejagat yang perlu ditangani bersama oleh semua pihak. Di Malaysia, antara agensi kerajaan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan selain dari Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Zakat Negeri ialah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (agensi peneraju), Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan dan beberapa agensi sokongan di peringkat persekutuan dan negeri. Selain itu, pembasmian kemiskinan turut disokong oleh sektor swasta dan badan-badan tertentu di negara ini seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Yayasan Pembasmian Kemiskinan (YBK) (Mohd Ayop Abd Razid, 2013).

Merupakan satu keperluan yang begitu mendesak dewasa ini untuk menyemak dan mengkaji semula had kifayah zakat negeri Kelantan dan paras garis kemiskinan nasional berikutan isu peningkatan kos sara hidup yang melibatkan peningkatan harga barangan dan perkhidmatan serta nilai mata wang negara yang rendah. Instrumen yang digunakan dalam menentukan seseorang itu layak untuk menerima zakat atau tidak adalah berdasarkan kepada pendapatan dan perbelanjaan asas mereka semata-mata. Perbelanjaan asas merangkumi enam (6) perbelanjaan asas iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan. Manakala instrumen paras garis kemiskinan ditentukan merangkumi dua belas (12) perbelanjaan asas iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan, pengangkutan, komunikasi, hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah, perkhidmatan rekreasi & kebudayaan, restoran & hotel, minuman alkohol & tembakau dan pelbagai barangan & perkhidmatan. Sudah tiba masanya Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat Negeri mengetuai semua agensi yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan untuk duduk semeja, bermuzakarah dan berganding bahu bagi mengkaji secara menyeluruh untuk menentukan keperluan asas minima bagi setiap keluarga ketika menentukan had kifayah zakat dan paras garis kemiskinan. Adalah diharapkan selepas ini tidak ada lagi perbezaan atau *double standard* ketika menentukan kemiskinan di Malaysia.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang telah mengizinkan kami menjalankan penyelidikan Had Kifayah (600-RMI/FRGS 5/3 (21/2015). Semoga dengan ini akan menjadi dorongan dan sokongan kepada kami untuk terus berkhidmat demi agama, bangsa dan negara.

Rujukan

Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faisal Ibrahim, Muhammad Ridhwani Ab Aziz & Fuadah Johari (2014), “Konsep dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar dan Jantina Dalam Pengagihan Zakat”, *E-Journal of Muamalat and Society*, hal.14-26.

Anhar Opir, (2017). “Konsep Had Al-Kifayah Zakat. Jabatan Mufti Negeri Selangor” (kertas kerja tidak diterbitkan).

Al-Nawawi, Muhyiddin bin Syaraf (Tanpa tarikh). *Al-Muhammad*, jil. 1. Mesir: Isa al-Halabi.

Baharuddin Sayin, Mohd Afandi Mat Rani & Azri Bhari (2016). “Kajian Semula Had Kifayah di Malaysia: Satu Penemuan Awal”. Dalam Abdul Halim Mohd Noor, *Strengthening Zakat and Waqf Governance*. Indonesia: IMZ Publishing, hal. 79-94.

Baharuddin Sayin, Mohd Afandi Mat Rani, Azri Bhari & Rafeah Saidon (2016). “Had Kifayah Zakat Di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan”. Dalam Norliana Ismail et.al, *Isu Kontemporari Had Kifayah Zakat dan Pengurusan Di Malaysia*. Nilai: Penerbitan USIM, hal. 9-23.

Hasan Bahrom, Abd Halim Mohd Noor & Rawi Nordin (2011). *Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: UPENA, UiTM.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2018). Siaran Akhbar Indeks Harga Pengguna Malaysia Disember 2017, bertarikh 24 Januari 2018.

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), (2009). *Manual Pengurusan Agihan Zakat*. Kuala Lumpur: JAWHAR.

Kumpulan Penyelidik USIM (2015). “Laporan Eksekutif Kajian Pentafsiran Asnaf Lapan: Satu Analisis Kontemporari Di Wilayah Persekutuan” (bahan tidak diterbitkan).

Laporan tahunan program transformasi ekonomi (ETP) 2016.

Lembaga Zakat Selangor: Modul Agihan Zakat (bahan tidak diterbitkan)

Mohd Ayop Abd Razid (2013). *Kejayaan Malaysia Dalam Program Basmi Kemiskinan*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.

Mohd Faisal Ibrahim, Ahmad Fahme Mohd Ali & Mohd Nasir Ali (2014). “Pengiraan Had Kifayah Bagi Kemiskinan di Malaysia: Kajian Kes di Negeri Selangor”, dalam e-prosiding Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2014. Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor, hal 306-318

Mohd Parid Syeikh Ahmad (2001). “Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam.” Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Mohd Syahiran Abdul Latif (2017). “Agihan Zakat Berdasarkan Had Al-Kifayah Fakir & Miskin: Kajian Di Sarawak” (bahan tidak diterbitkan).

Mujaini Tarimin (2005). *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Ridhwan Abdul Rahman (2017), Pegawai Zakat Majlis Agama Islam Kelantan. Temubual 8.2.2017.

Syed Othman al-Habshi (1988, November). “Peranan Zakat Dalam Membantu Pembangunan Ekonomi Negara”. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Zakat Kebangsaan 1988. Anjuran Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam Pulau Pinang & Jabatan Hasil Dalam Negeri Pulau Pinang.

Yusuf al-Qardhawi (2000). *Fiqh al-Zakah*, terjemahan English oleh Monser Kahf. Jeddah: Scientific Publishing Centre,

King Abdul Aziz University.

<http://www.kpwkm.gov.my/nkra/definisi>

<http://www.zakat Selangor.com.my/info-agihan/had-kifayah>